

## **Industri Pelancongan Malaysia Masih Berdaya Saing**

**oleh Musalmah Johan**

**Pegawai Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Sektor pelancongan merupakan sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia. Industri pelancongan telah mengalami pertumbuhan yang pesat dan telah dikenal pasti sebagai pemacu utama pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan. Industri ini juga terus menjadi sumber utama tukaran asing, yang menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), pelaburan dan guna tenaga serta mengukuhkan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran.

Sumbangan sektor ini dari segi penjanaan hasil, amat menggalakkan. Data yang dikeluarkan oleh “Tourism Malaysia”, pada tahun 2004, mencatatkan hasil yang dijana dari sektor ini adalah sebanyak RM29.7 bilion dari sejumlah 15.7 juta pelancong yang melancong ke Malaysia. Hasil yang diperolehi dari industri ini semakin meningkat dari tahun ke tahun dan yang terakhir pada tahun 2013, menjadi RM65.4 bilion dengan jumlah pelancong seramai 25.7 juta orang. Peningkatan hasil dan jumlah pelancong sebanyak RM35.7 bilion dan 10 juta pelancong masing-masing, dalam tempoh 10 tahun ini amat menggalakkan. Peningkatan yang ketara telah menjadikan sektor ini semakin penting dan berdaya maju didalam menjana pendapatan negara.

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Walau bagaimanapun, dengan perkembangan terkini yang membabitkan misteri kehilangan pesawat MH370 dan kemalangan keatas pesawat MH17 pada tahun 2014, sedikit sebanyak telah menjejaskan industri pelancongan negara. Rentetan dari peristiwa misteri kehilangan pesawat MH370 pada Mac 2014, telah menyaksikan jumlah ketibaan pelancong dari negara Cina sedikit terjejas.

Kepercayaan pelancong asing terutamanya dari Negara Cina telah merosot. Ramai pelancong Cina telah membatalkan percutian mereka ke Malaysia. Di samping itu, kekerapan penerbangan dari Cina ke Malaysia juga dilihat turut berkurang. Tragedi kedua-dua pesawat itu telah memberi kesan ke atas pasaran Cina yang telah mengalami penurunan sebanyak 11.8 peratus bagi tempoh awal kejadian iaitu Januari hingga Julai tahun 2014 berbanding tempoh sama pada tahun 2013. Sehingga Disember 2014, trend kedatangan pelancong Cina ini dilihat tidak berubah apabila ianya terus mengalami penurunan sebanyak 9.9 peratus. Trend ini dilihat sedikit membimbangkan kerana bilangan pelancong dari negara Cina menduduki lima tangga teratas dari segi jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia sebelum ini.

Selepas beberapa insiden yang berlaku berkaitan dengan pencerobohan di Lahad Datu dan pesawat MAS, maka cabaran terkini industri ini menjadi semakin hebat. Industri ini diuji dengan keadaan yang paling sukar iaitu mengembalikan kepercayaan pelancong asing serta menanamkan keyakinan pelancong asing bahawa Malaysia adalah negara yang selamat untuk dikunjungi. Sebelum ini cabaran industri pelancongan Malaysia adalah menghadapi persaingan dengan negara-negara ASEAN yang memiliki produk pelancongan yang hampir sama dengan Malaysia. Cabaran lain yang dihadapi adalah untuk memperkenalkan Malaysia, sebagai sebuah negara yang unik dengan memiliki kepelbagaian etnik.

Walaupun industri ini berdepan dengan pelbagai cabaran yang dilihat telah mengugat jumlah kedatangan pelancong dan penjanaan hasilnya sepanjang tahun 2014, namun usaha keras yang dimainkan oleh Kementerian Pelancongan terutamanya melalui Tourism Malaysia, telah meningkatkan keyakinan pelancong dari lain-lain negara selain Cina, untuk terus memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka.

Ini terbukti apabila jumlah pelancong dari negara lain seperti Singapura, Indonesia, Korea dan pelancong-pelancong dari Barat dan Asia Barat dilihat meningkat walaupun selepas insiden kemalangan MH370 dan MH17. Data terkini yang dikeluarkan oleh “Tourism Malaysia”, sehingga Disember 2014, mencatatkan jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia telah meningkat sebanyak 6.7 peratus menjadi seramai 27.4 juta pelancong. Data ini dilihat berjaya, menghampiri sasaran Laporan Ekonomi 2014/2015 yang menjangkakan Malaysia akan menarik seramai 28 juta pelancong pada tahun 2014 dan menjana hasil sebanyak RM76 bilion.

Berikutan pelbagai acara khas dan perayaan selama setahun serta kempen yang berterusan dan pekej pelancongan yang menarik telah berjaya menambahkan keyakinan para pelancong dari pelbagai negara. Terbaru Malaysia telah mengungguli senarai Indeks Pelancongan Muslim Global 2015 Mastercard-Crescent Rating (GMTI). Indeks ini menyaksikan Malaysia telah menyandang tempat pertama dalam senarai Pelancongan Muslim Global bagi destinasi di Negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa industri pelancongan Malaysia masih berdaya saing.

Kempen-kempen yang dijalankan oleh Tourism Malaysia untuk mengembalikan kepercayaan pelancong Cina, walaupun masih belum membuahkan hasil yang memberangsangkan namun, ianya sedikit sebanyak telah mengorak langkah kearah masa hadapan industri ini yang lebih positif. Setiap individu juga mampu meyokong usaha kerajaan ini dengan menyediakan persekitaran yang aman samaada dari segi fizikal mahu pun tingkah laku.